

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 17

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara terperinci pelan tindakan untuk Program Desa Harapan yang bertujuan untuk membantu penduduk luar bandar keluar daripada kepompong kemiskinan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Desa Harapan (PDH) merupakan inisiatif baharu Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang melibatkan penyertaan sektor swasta dan korporat dalam proses pembangunan desa khususnya berkaitan dengan sosio - ekonomi penduduk luar bandar berdasarkan konsep *Corporate Social Responsibility* (CSR) syarikat korporat selaku rakan strategik. Program Desa Harapan ini akan dilaksanakan di kampung-kampung yang terpilih di setiap negeri di seluruh negara.

Program ini meliputi tiga skop projek (3) yang utama iaitu:

- a. Ekonomi: Keusahawanan & Industri Desa
- b. Pendidikan
- c. Kemasyarakatan & Keceriaan

NO SOALAN :17

Pelaksanaan program ini bermula dengan pemilihan sebuah kampung terpilih di setiap negeri dari senarai yang telah dikemukakan oleh agensi KPLB di negeri bersama dengan Kerajaan negeri berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan agar mencapai objektif yang ditetapkan. Kampung akan terlibat dalam program ini selama 2 tahun di mana rakan strategik program ini akan melaksanakan program dan memantau perkembangannya selama tempoh berkenaan di kampung tersebut.

Setelah senarai kampung dan syarikat diperolehi, sesi libat urus bersama penduduk dan rakan strategik akan dilaksanakan bagi mengenalpasti keperluan penduduk atau kampung yang boleh meningkatkan sosio-ekonomi mereka. Pihak syarikat akan merangka program serta bantuan yang akan dihulurkan kepada pihak yang berkenaan di kampung tersebut.

Pada masa sekarang, sebuah kampung sedang terlibat dengan Program Desa Harapan iaitu Kampung Kinjang di Chenderiang, Perak manakala 2 buah lagi kampung iaitu Kampung Kuala Temonyong di Langkawi dan Kampung Weng di Baling dalam proses untuk memulakan pelaksanaan programnya oleh rakan strategik dalam masa terdekat. Kementerian menyasarkan bahawa 3 lagi negeri iaitu Kelantan, Johor dan Terengganu akan terlibat dalam Program Desa Harapan dalam tahun ini.

Walau bagaimanapun, kejayaan program ini terletak pada sejauh mana kesungguhan dan komitmen penduduk kampung yang telah dipilih untuk melibatkan diri dalam program yang telah diberikan bantuan oleh rakan strategik. Pihak Kementerian bersama rakan strategik hanya dapat memberikan bimbingan agar penduduk kampung yang terlibat dapat meningkatkan pendapatan dan sosio ekonomi mereka.